

**HUBUNGAN ANTARA GAYA PENGAJARAN
DENGAN EFIKASI GURU DALAM KALANGAN
GURU SEKOLAH RENDAH DI PEDALAMAN
SABAH**

**MOHAMAD AIRIL YUSRAN BIN AHMAN @
DURAHMAN**

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**DISERTASIINI DIKEMUKAKAN UNTUK
MEMENUHI SEBAHAGIAN SYARAT
MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA
PENDIDIKAN**

**FAKULTI PSIKOLOGI DAN PENDIDIKAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2014**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL : HUBUNGAN ANTARA GAYA PENGAJARAN DENGAN EFKASI GURU DALAM KALANGAN GURU SEKOLAH RENDAH DI PEDALAMAN SABAH

IJAZAH : IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (KURIKULUM DAN PENGAJARAN)

SAYA : MOHAMAD AIRIL YUSRAN B AHMAN @ DURAHMAN SESI PENGAJIAN : 2012 – 2014

Mengakui membenarkan tesis (LPSM / Sarjana / Doktor Falsafah) ini disimpan di perpustakaan Universiti Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/).

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh Organisasi / badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan oleh ;



(DR. KHALID JOHARI)

(MOHAMAD AIRIL YUSRAN B AHMAN)

Alamat Tetap: PETI SURAT 2636, 89007
KENINGAU, SABAH

Tarikh :

Tarikh :

CATATAN : * Potong yang tidak berkenaan.

** Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa /organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD. ** Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana Secara penyelidikan atau disertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM).



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.



29 Mei 2014

MOHAMAD AIRIL YUSRAN BIN AHMAN @ DURAHMAN

MT1212170T

PENGESAHAN PENYELIA

TAJUK : HUBUNGAN ANTARA GAYA PENGAJARAN DENGAN EFIGASI
GURU DALAM KALANGAN GURU SEKOLAH RENDAH DI
PEDALAMAN SABAH

IJAZAH : SARJANA PENDIDIKAN

DISAHKAN OLEH

1. PENYELIA

(*Tandatangan*)



PENGHARGAAN

Alhamdulillah segala puji-pujian dipanjangkan ke hadrat Ilahi kerana dengan izin dan rahmat-Nya saya dapat menyiapkan disertasi ini dengan sempurna. Saya juga ingin merakam setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak-pihak yang banyak membantu saya sepanjang tempoh pengajian di Universiti Malaysia Sabah.

Sekalung penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga khususnya kepada penyelia saya Dr. Khalid Johari yang banyak memberi tunjuk ajar, motivasi, bimbingan dan sokongan tidak berbelah bahagi sehingga saya mampu menyempurnakan penyelidikan ini. Jasa dan budi beliau tidak akan saya lupukan. Penghargaan ini juga saya tujukan khas buat para pensyarah di Fakulti Pendidikan dan Pembangunan Sosial iaitu Profesor Dr. Vincent Pang, Profesor Madya Cristina Ligadu dan Dr. Abdul Said Ambotang kerana telah banyak menabur budi dan ilmu pengetahuan sepanjang pengajian saya di UMS. Terima kasih cikgu-cikgu sekalian.

Jutaan terima kasih juga dirakamkan buat yang teristimewa isteri tercinta Dg. Arni Mariayani kerana sentiasa memahami keadaan dan pengorbanannya yang besar menyokong pengajian saya. Tidak pernah dilupakan juga puteri-puteri kesayanganku Aleeya Ariefah dan Alesha Afieqah yang menjadi sumber ilham dan penyuntik semangat untuk meneruskan pengajian hingga berjaya. Terima kasih juga kepada ahli keluarga lain yang turut membantu dan berkorban masa serta tenaga.

Kepada teman-teman seperjuangan yang sudi berkongsi idea, pengalaman, ilmu pengetahuan dan sokongan moral iaitu Justin, Jamliyah, Safiah, Astia, Helenia, Ani, Fredolin, Norashah, Zainab, rakan-rakan dibawah penyeliaan Dr. Khalid Johari dan Encik Saiful Bahari Sapar jasa kalian amat bermakna dan ia menjadi kenangan yang indah mengenali sahabat seperti anda semua. Terima kasih sahabat-sahabat.

Akhir kalam, penghargaan ini juga diucapkan kepada semua pihak yang membantu saya samada secara langsung mahupun tidak langsung dalam menyempurnakan kajian ini. Budi dan jasa kalian hanya Allah sahaja yang dapat membalaunya kelak. Amin.



ABSTRAK

Kajian ini ingin mengkaji hubungan antara gaya pengajaran dan efikasi guru dalam kalangan guru sekolah rendah di Pedalaman Sabah. Perkaitan ketiga-tiga dimensi dalam efikasi guru terhadap gaya pengajaran juga dikaji. Kajian ini menggunakan set soal selidik bagi mengutip data melalui *Teaching Styles Inventory* dan *Teacher's Sense of Efficacy Scale* melibatkan 235 orang guru sekolah rendah di kawasan Pedalaman Sabah. Kajian ini menggunakan statistik deskriptif dan inferensi iaitu Korelasi Pearson untuk menganalisis data. Nilai pekali alfa Cronbach dalam kajian ini ialah 0.731 bagi gaya pengajaran dan 0.896 bagi efikasi guru. Kajian ini dianalisis menggunakan *Statistical Package for Social Science* (SPSS) versi 16.0. Statistik seperti min, frekuensi, peratus dan sisihan piawai digunakan dalam kajian ini. Selain itu, statistik inferensi Korelasi Pearson digunakan untuk menguji hipotesis-hipotesis kajian. Hasil kajian mendapat terdapat hubungan korelasi yang sederhana tinggi ($r = .352$) antara gaya pengajaran dengan efikasi guru dalam kalangan guru sekolah rendah di Pedalaman Sabah. Manakala hubungan ketiga-tiga dimensi dalam efikasi guru terhadap gaya pengajaran didapati memperolehi nilai korelasi pada tahap sederhana tinggi iaitu dimensi penglibatan pelajar ($r = .309$), dimensi strategi pengajaran ($r = .361$) dan dimensi pengurusan kelas ($r = .321$). Kesimpulannya guru-guru perlu mempelbagaikan gaya pengajaran di sekolah untuk memastikan kandungan pelajaran disampaikan dengan berjaya dan berusaha meningkatkan tahap keyakinan dalam profesionalisma sebagai seorang guru.

ABSTRACT

This study intended to investigate the relationship between teaching styles with teacher efficacy among primary school teachers in an interior area of Sabah. This study is also look for the relationship between each three dimensions in teacher efficacy with teaching styles. Data were collected using the Teaching Styles Inventory and Teacher's Sense of Efficacy Scale involving 235 primary school teachers. Pearson correlation and descriptive statistic have been used to analyze all the data. Coefficient value of alpha Cronbach for this study was 0.731 for teaching styles and 0.896 for teacher efficacy. This study analyzed using the Statistical Package for Social Science (SPSS) version 16.0. Descriptive statistics such as mean, frequency, percentage and standard deviation used in this study. Apart from that, analyze using the correlation Pearson to test the hypothesis. Result found there is positive correlation ($r = .352$) between teaching style and teacher efficacy among the primary school teachers in an interior area of Sabah. The findings about the relationship between the three dimensions of the efficacy teacher with the teaching styles showed correlation value were at the moderate-higher level with student engagement ($r = .309$), instructional strategies ($r = .361$) and classroom management ($r = .321$). As a conclusion, the teachers should apply various types of teaching style to ensure the lesson content delivered successfully at school. There is also suggestion that teacher need to improve the efficacy level as a teacher in order to compete in this professionalism.



SENARAI KANDUNGAN

Halaman

| | |
|---------------------------------------|------|
| TAJUK | i |
| PENGAKUAN | ii |
| BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS | iii |
| PENGESAHAN PENYELIA | iv |
| PENGHARGAAN | v |
| ABSTRAK | vi |
| <i>ABSTRACT</i> | vii |
| SENARAI KANDUNGAN | viii |
| SENARAI JADUAL | xii |
| SENARAI RAJAH | xiv |
| SENARAI SINGKATAN | xv |
| BAB 1: PENDAHULUAN | 1 |
| 1.1 Pengenalan | 1 |
| 1.2 Latar Belakang Kajian | 3 |
| 1.3 Pernyataan Masalah | 5 |
| 1.4 Tujuan Kajian | 6 |
| 1.5 Objektif Kajian | 6 |
| 1.6 Soalan Kajian | 6 |
| 1.7 Kepentingan Kajian | 7 |

| | | |
|---------------|--|----|
| 1.7.1 | Kepentingan Kajian Kepada Sekolah | 7 |
| 1.7.2 | Kepentingan Kajian Kepada Guru-guru | 8 |
| 1.7.3 | Kepentingan Kajian Kepada Pelajar-pelajar | 9 |
| 1.8 | Definisi Operasi | 9 |
| 1.8.1 | Gaya Pengajaran | 9 |
| 1.8.2 | Efikasi Guru | 10 |
| 1.9 | Limitasi Kajian | 11 |
| 1.10 | Kesimpulan | 12 |
| BAB 2: | TINJAUAN LITERATUR | 13 |
| 2.1 | Pengenalan | 13 |
| 2.2 | Teori Dan Model Gaya Pengajaran | 13 |
| 2.2.1 | Model Pengajaran Grasha (1996) | 13 |
| 2.2.2 | Model Pengajaran Robert Glaser (1962) | 15 |
| 2.2.3 | Model ASSURE | 15 |
| 2.2.4 | Model Pengajaran Sim | 16 |
| 2.2.5 | Gaya Pengajaran Mengikut Perspektif Teori Pembelajaran | 17 |
| 2.3 | Teori Dan Model Efikasi Guru | 17 |
| 2.3.1 | Teori Kognitif Sosial | 18 |
| 2.4 | Kerangka Konseptual | 18 |
| 2.5 | Hipotesis Kajian | 19 |
| 2.6 | Kajian-kajian Lepas | 20 |
| 2.6.1 | Gaya Pengajaran | 20 |
| 2.6.2 | Efikasi Guru | 23 |
| 2.7 | Kesimpulan | 25 |
| BAB 3: | METODOLOGI KAJIAN | 27 |
| 3.1 | Pendahuluan | 27 |
| 3.2 | Reka Bentuk Kajian | 28 |
| 3.3 | Populasi Kajian | 29 |
| 3.4 | Sampel dan Persampelan Kajian | 30 |

| | | |
|---------------|--|-----------|
| 3.5 | Lokasi Kajian | 31 |
| 3.6 | Instrumentasi | 31 |
| 3.6.1 | Komponen A (Demografi) | 32 |
| 3.6.2 | Komponen B (Gaya Pengajaran Guru) | 32 |
| 3.6.3 | Komponen C (Efikasi Guru) | 34 |
| 3.7 | Pembolehubah Kajian | 36 |
| 3.8 | Teknik Pengumpulan Data | 36 |
| 3.8.1 | Langkah Pertama | 36 |
| 3.8.2 | Langkah Kedua | 37 |
| 3.9 | Teknik Analisis Data | 37 |
| 3.9.1 | Statistik Deskriptif | 38 |
| 3.9.2 | Analisis Korelasi Pearson | 38 |
| 3.10 | Kebolehpercayaan Alat Kajian | 39 |
| 3.10.1 | Kajian Rintis | 39 |
| 3.11 | Kesimpulan | 41 |
| BAB 4: | DAPATAN KAJIAN | 42 |
| 4.1 | Pendahuluan | 42 |
| 4.2 | Maklumat Responden | 42 |
| 4.2.1 | Taburan Mengikut Jantina Dan Lokasi Kajian | 43 |
| 4.2.2 | Taburan Mengikut Kelulusan Ikhtisas Pendidikan, Bidang Major Pengajaran (Opsyen) dan Pengalaman Mengajar | 44 |
| 4.3 | Analisis Data | 46 |
| 4.3.1 | Analisis Gaya Pengajaran Guru | 46 |
| 4.3.2 | Analisis Efikasi Guru | 52 |
| 4.4 | Dapatan Kajian | 55 |
| 4.4.1 | Hubungan Antara Efikasi Guru Dengan Gaya Pengajaran | 55 |
| 4.4.2 | Hubungan Antara Efikasi Guru Mengikut Dimensi Dengan Gaya Pengajaran | 58 |
| 4.5 | Rumusan Dapatan Kajian | 59 |

| | | |
|---|--|----|
| BAB 5: | PERBINCANGAN DAN RUMUSAN | 61 |
| 5.1 | Pendahuluan | 61 |
| 5.2 | Perbincangan Dapatan Kajian | 61 |
| 5.2.1 | Hubungan Efikasi Guru dengan Gaya Pengajaran | 62 |
| 5.2.2 | Hubungan Efikasi Guru Dalam Dimensi Penglibatan Pelajar Dengan Gaya Pengajaran | 64 |
| 5.2.3 | Hubungan Efikasi Guru Dalam Dimensi Strategi Pengajaran Dengan Gaya Pengajaran | 65 |
| 5.2.4 | Hubungan Efikasi Guru Dalam Dimensi Pengurusan Bilik Darjah Dengan Gaya Pengajaran | 65 |
| 5.3 | Implikasi Terhadap Penyelidikan | 66 |
| 5.4 | Cadangan | 67 |
| 5.5 | Kesimpulan | 69 |
| BIBLIOGRAFI | | 71 |
| LAMPIRAN | | |
| LAMPIRAN A: Kelulusan Menjalankan Kajian | | 78 |
| LAMPIRAN B: SOAL SELIDIK | | 79 |
| LAMPIRAN C: Data Demografi | | 85 |
| LAMPIRAN D: Dapatan Kajian | | 88 |

SENARAI JADUAL

| | Halaman | |
|-------------|---|----|
| Jadual 3.1 | Taburan Jumlah Populasi Mengikut Lokasi Kajian | 29 |
| Jadual 3.2 | Taburan Sampel Mengikut Lokasi Kajian | 31 |
| Jadual 3.3 | Kedudukan Dan Jumlah Item Dalam Gaya Pengajaran | 33 |
| Jadual 3.4 | Kedudukan Skor Respon Kajian Gaya Pengajaran | 33 |
| Jadual 3.5 | Definisi Skor Gaya Pengajaran | 34 |
| Jadual 3.6 | Skor Min Efikasi Guru | 35 |
| Jadual 3.7 | Analisis Nombor Item Efikasi Guru | 35 |
| Jadual 3.8 | Anggaran Kekuatan Korelasi Antara Dua Pembolehubah | 39 |
| Jadual 3.9 | Nilai Pekali Kekuatan Alfa Cronbach | 40 |
| Jadual 3.10 | Analisis Nilai Alfa Cronbach Kajian Rintis | 41 |
| Jadual 4.1 | Taburan Responden Mengikut Jantina dan Lokasi Kajian | 43 |
| Jadual 4.2 | Taburan Responden Mengikut Kelulusan Ikhtisas Pendidikan, Bidang Major Pengajian (Opsyen) dan Pengalaman Mengajar | 45 |
| Jadual 4.3 | Item Gaya Pengajaran Dalam Dimensi Gaya Pakar | 47 |
| Jadual 4.4 | Item Gaya Pengajaran Dalam Dimensi Gaya Autoriti Formal | 48 |
| Jadual 4.5 | Gaya Pengajaran Dalam Dimensi Gaya Model Peribadi | 49 |
| Jadual 4.6 | Gaya Pengajaran Dalam Dimensi Gaya Fasilitator | 50 |
| Jadual 4.7 | Gaya Pengajaran Dalam Dimensi Gaya Delegator | 51 |
| Jadual 4.8 | Skor Min dan Sisihan Piawai Gaya Pengajaran Mengikut Dimensi | 52 |
| Jadual 4.9 | Aras Efikasi Guru Dalam Dimensi Penglibatan Pelajar | 53 |
| Jadual 4.10 | Aras Efikasi Guru Dalam Dimensi Strategi Pengajaran | 53 |
| Jadual 4.11 | Aras Efikasi Guru Dalam Dimensi Pengurusan Bilik Darjah | 54 |

| | | |
|-------------|--|----|
| Jadual 4.12 | Analisis Skor Min Keseluruhan Efikasi Guru Mengikut Dimensi | 55 |
| Jadual 4.13 | Hubungan Antara Gaya Pengajaran Dengan Efikasi Guru | 57 |
| Jadual 4.14 | Hubungan Korelasi Antara Gaya Pengajaran Dengan Efikasi Guru | 57 |
| Jadual 4.15 | Hubungan Antara Efikasi Guru Mengikut Dimensi Terhadap Gaya Pengajaran | 59 |
| Jadual 4.16 | Analisis Dapatan Kajian Terhadap Hipotesis Kajian | 60 |

SENARAI RAJAH

Halaman

Rajah 2.1 Kerangka Konseptual Kajian 19

SENARAI SINGKATAN

| | |
|-------------|---|
| ANOVA | <i>Analysis of Variance</i> |
| DPLI | Diploma Perguruan Lepasan Ijazah |
| DPM | Diploma Perguruan Malaysia |
| KPLI | Kursus Perguruan Lepasan Ijazah |
| <i>M</i> | <i>mean</i> |
| <i>N</i> | Jumlah |
| <i>p</i> | Aras signifikan |
| <i>S.D</i> | <i>Standard Deviation</i> |
| <i>Sig.</i> | <i>Significant</i> |
| <i>SPSS</i> | <i>Statistical Package for the Social Science</i> |

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Bidang pendidikan di Malaysia kini memasuki era transformasi dan lonjakan paradigma yang merentasi semua aspek dan bidang. Perubahan besar ini bertujuan untuk memenuhi tuntutan globalisasi yang memerlukan modal insan yang berketrampilan selaras dengan visi dan misi negara dalam kandungan Falsafah Pendidikan Negara. Disamping itu, ia melengkapkan generasi muda dengan ilmu pengetahuan yang tinggi bagi menghadapi cabaran dan tekanan arus perubahan global. Guru adalah ejen penyampai dan pelaksana dalam bidang pendidikan yang memainkan peranan penting bagi memastikan matlamat ini tercapai. Tugas sebagai seorang guru kian bertambah dan semakin mencabar apatah lagi dengan beban tugas mendidik dan mencapai penanda aras yang telah ditetapkan. Malah guru memainkan peranan penting dan merupakan golongan pelaksana terhadap perubahan dalam sistem pendidikan (Khandaghi dan Farasat, 2011).

Dalam perkara ini, guru semestinya bijak dan kreatif dalam mengendalikan proses pengajaran dan pembelajaran yang menarik dan berkesan. Sokongan dan kerjasama jitu daripada guru merupakan aspek utama dalam menjayakan dan memartabatkan segala agenda pendidikan pada peringkat nasional. Gaya pengajaran yang sesuai dan efektif mampu meningkatkan tahap kefahaman dan menarik perhatian murid. Guru berperanan menyalurkan ilmu pengetahuan dan kemahiran kepada generasi muda melalui kaedah formal dalam sistem pendidikan negara. Malah guru juga memainkan peranan penting dalam membentuk sahsiah dan jati diri pelajar agar menjadi generasi yang mantap dan berketrampilan.

Bagi mencapai hasrat dan matlamat negara dalam menghasilkan pendidikan bertaraf dunia, beberapa aspek diambil kira untuk ditambahbaik selaras dengan perubahan terkini. Kecekapan dalam pengurusan pendidikan, menaik taraf integriti perguruan, akses dalam pendidikan dan kualiti dalam perkhidmatan pendidikan antara aspek-aspek yang diberi tumpuan dalam membangunkan bidang pendidikan berprestasi tinggi. Dalam dunia serba moden dan berkembang pesat ini, peranan dan fungsi sekolah telah berubah dan guru perlu meningkatkan domain pengetahuan dan kecekapan-kecekapan baru untuk membolehkan mereka mengikut peredaran zaman (Mohammed Sani, 2005).

Justeru itu, guru-guru dan pihak pentadbir mesti berganding bahu dan menggembeling tenaga dalam menjayakan matlamat murni pendidikan demi melahirkan generasi yang cemerlang. Pelbagai usaha, rancangan dan perubahan dasar pendidikan telah dilakukan oleh pihak kerajaan dalam mencapai taraf pendidikan bertaraf dunia. Pihak kementerian telah merangka dan menentukan hala tuju sistem pendidikan ini agar dapat bersaing pada peringkat global disamping melahirkan generasi yang cerdik pandai. Sokongan pihak luar termasuklah ibubapa, Persatuan Ibubapa Guru sekolah, rakan sekolah mampu menjayakan usaha mengangkat martabat pendidikan ke tahap yang lebih tinggi.

Pada 16 Januari 2007, mantan Perdana Menteri Malaysia Y.A.B Datuk Seri Abdullah Bin Ahmad Badawi telah menyempurnakan majlis pelancaran Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) untuk tempoh lima tahun bermula 2006 sehingga 2010 di *Putrajaya International Convention Centre (PICC)*. Dalam pelan tersebut, kerajaan memberi penekanan dalam pembangunan modal insan sebagai pendekatan untuk mencapai negara maju. Terdapat empat tunjang utama yang diberi keutamaan dalam pelan ini iaitu akses kepada pendidikan, ekuiti dalam pendidikan, kualiti dalam pendidikan dan kecekapan serta keberkesanannya dalam pendidikan.

Dalam usaha menaiktaraf tahap pendidikan di peringkat akar umbi, pada 26 Januari 2010 pihak Kementerian Pendidikan Malaysia melalui Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pendidikan Malaysia telah mengumumkan senarai 20 Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT). Dengan wujudnya Sekolah Berprestasi Tinggi,

kerajaan mahu sekolah-sekolah lain mencontohi dan menjadikannya sebagai penanda aras kecemerlangan sekaligus berusaha untuk mencapai tahap yang lebih cemerlang dalam bidang akademik. Penilaian penanda aras ini membuktikan pengiktirafan pihak kerajaan terhadap pencapaian cemerlang pihak sekolah yang merangkumi pelbagai aspek termasuk akademik, kurikulum, pentadbiran sekolah, pengurusan sekolah dan sumber manusia.

Oleh itu, pihak sekolah terutama guru haruslah mempunyai ciri-ciri kualiti peribadi yang positif bagi membantu seseorang guru itu melaksanakan tanggungjawab dan komitmennya dengan cara yang terbaik sekaligus melayakkan dirinya menjadi guru yang berkesan, berwibawa dan berketrampilan bagi menjayakan proses pembinaan negara bangsa (Haliza dan Joy, 2008). Guru harus kreatif dan inovatif untuk menjadikan sistem penyampaian pengajaran dan pembelajaran menjadi efektif, menarik dan menyeronokkan (Kementerian Pelajaran, 2006, p. 106). Ini menjadikan guru sebagai wadah yang penting bagi memastikan proses pendidikan di sekolah memberikan hasil yang cemerlang.

1.2 Latar Belakang Kajian

Sekiranya guru menggunakan gaya dan model pengajaran yang berlainan, para pelajar didedahkan kepada kaedah pembelajaran yang biasa dan tidak biasa yang menyediakan kedua-dua keselesaan dan tekanan ketika proses, terutamanya memberi pelajar-pelajar pelbagai kaedah untuk menjadi cemerlang (Vaughn dan Baker, 2001). Perubahan dalam sistem kurikulum pendidikan memerlukan guru memperkasakan diri dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran supaya penyampaian yang berkesan dan efektif dapat berlaku di dalam bilik darjah. Peredaran global menyebabkan para penyelidik dan pembuat polisi dalam pendidikan mengkaji faktor-faktor berkesan dalam usaha menjadikan sistem pendidikan lebih efisien.

Gaya pengajaran guru merupakan antara faktor kejayaan sesuatu proses pembelajaran iaitu guru akan mengubahsuai gaya pengajaran sesuai dengan gaya pembelajaran murid di bilik darjah. Kedua-dua pengajaran dan pembelajaran ini

sangat penting sama seperti mempunyai kandungan kurikulum yang baik. Bagi membantu pelajar untuk belajar dengan berkesan, instruktor perlu mengetahui dan menyesuaikan kepada gaya pengajaran yang berbeza (Grasha, 1996). Setiap individu bergelar guru adalah istimewa kerana memiliki gaya pengajaran yang tersendiri. Oleh itu, guru merupakan komponen penting sistem pendidikan dalam perubahan dasar pendidikan negara.

Pengajaran yang berkesan adalah hasil daripada pelaksanaan aktiviti yang kreatif melibatkan murid secara aktif dan tersusun di bilik darjah. Pengajaran efektif adalah merupakan keperihatinan terhadap menyusun satu aktiviti pembelajaran, tugas atau pengalaman untuk setiap orang pelajar, yang akan membawa kepada kejayaan menghasilkan jenis pembelajaran pelajar (ilmu, pemahaman, ketramplian dan sikap) yang dihasratkan oleh guru (Kyriacou, 1991). Suasana pembelajaran yang kondusif merupakan antara faktor yang menentukan kejayaan dalam sesuatu proses pengajaran dan pembelajaran. Sikap kesungguhan dan kreativiti guru dalam penyampaian kandungan kurikulum sangat penting semasa proses pelaksanaan pengajaran (Hernawati, 2011).

Oleh itu, guru harus menggunakan kemahiran mengajar yang ada untuk menarik minat pelajar, bukan sahaja untuk meneruskan proses pembelajaran, malah untuk membantu para pelajar melangkah batasan keupayaan agar dapat terus maju dalam bidang akademik (Omardin, 1999). Gaya pengajaran guru menjadi penentu kepada tahap penerimaan murid terhadap kandungan pembelajaran yang disampaikan oleh guru. Maka, guru perlu bijak memanipulasi keadaan sekeliling untuk memastikan pengajaran dan pembelajaran itu berjaya. Apabila gaya pengajaran, sumber dan program dipadankan dengan gaya belajar pelajar, maka pencapaian dalam bidang akademik dan sikap pelajar akan meningkat (Jidarulaila, 2003).

Dalam memainkan peranan sebagai seorang pendidik, guru seharusnya mempunyai keyakinan diri untuk menyampaikan pengetahuan kepada pelajar. Hal ini boleh mempengaruhi keberkesanan sesuatu proses pembelajaran. Efikasi guru dinyatakan sebagai kepercayaan kendiri guru terhadap keupayaan diri untuk mengendalikan pengajaran secara berkesan ke arah mempengaruhi pencapaian

murid (Bandura, 1997., dalam Khalid, 2009). Guru melakukan pertimbangan terhadap keupayaan diri dalam mempengaruhi hasil pembelajaran murid (Khalid, 2009). Seseorang guru yang mempunyai efikasi yang tinggi mampu membimbing murid-murid untuk memahami isi pembelajaran dengan lebih baik. Dengan kemampuan guru-guru melaksanakan tugas dengan baik di sekolah terutama di bilik darjah, para pelajar mendapat manfaat yang tinggi kesan daripada amalan pengajaran guru yang maksimum.

1.3 Pernyataan Masalah

Bidang pendidikan pada masa kini mengharungi cabaran getir dan global kerana mengikuti perubahan arus perdana yang tidak dapat dielakkan. Oleh demikian, sistem pendidikan perlu bersifat dinamik (Wan Mohd Zahid, 1996). Sistem dan kurikulum pendidikan di Malaysia seharusnya mempunyai piawai yang tinggi agar mampu menyediakan pelajar yang mampu bersaing di persada dunia pada tahap yang tinggi. Dalam hal ini, pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan bagi memastikan generasi yang lahir hasil daripada sistem pendidikan di Malaysia merupakan produk pendidikan yang unggul dan bijak.

Guru terpaksa menghadapi cabaran yang hebat dalam arus pembangunan masa kini terutama dalam bidang pendidikan. Kemajuan teknologi yang begitu pesat membantu perkembangan dan pembangunan pendidikan di Malaysia dan seluruh dunia secara global. Oleh itu, gaya pengajaran guru di bilik darjah seharusnya mampu menarik perhatian pelajar untuk terus mengikuti proses pembelajaran. Menurut Grasha (1996) gaya pengajaran guru merupakan pola kepercayaan, pengetahuan, prestasi dan tingkah lakunya dalam kelas. Zamri *et.all* (2009) menyatakan bahawa faktor pengajaran guru mempunyai kesan yang besar dan merupakan faktor terpenting dalam menentukan suasana pembelajaran murid.

Keyakinan dan kepercayaan terhadap diri sendiri boleh mempengaruhi pengajaran guru di bilik darjah sekaligus melibatkan pencapaian pembelajaran murid. Pertimbangan individu terhadap keupayaan diri dalam menjalankan tugas pengajaran yang mendorong ke arah merancang dan menyelaras tingkah laku yang

diperlukan untuk mencapai matlamat tugas yang diharapkan (Khalid *et.al*, 2009).

1.4 Tujuan Kajian

Kajian ini memberikan fokus yang besar terhadap hubungan gaya pengajaran dengan efikasi guru dalam kalangan guru sekolah rendah di Pedalaman Sabah.

1.5 Objektif Kajian

Berdasarkan permasalahan kajian di atas maka objektif yang perlu dicapai dalam kajian ini adalah seperti berikut:

- i) Menentukan aras hubungan antara jenis gaya pengajaran dengan efikasi guru dalam kalangan guru sekolah rendah di Pedalaman Sabah.
- ii) Menentukan hubungan antara efikasi guru dalam dimensi penglibatan murid dengan gaya pengajaran dalam kalangan guru sekolah rendah di Pedalaman Sabah.
- iii) Menentukan hubungan antara efikasi guru dalam dimensi strategi pengajaran dengan gaya pengajaran dalam kalangan guru sekolah rendah di Pedalaman Sabah.
- iv) Menentukan hubungan antara efikasi guru dalam dimensi pengurusan kelas dengan gaya pengajaran dalam kalangan guru sekolah rendah di Pedalaman Sabah.

1.6 Soalan Kajian

Berdasarkan objektif dalam kajian ini, beberapa soalan kajian dikemukakan berkaitan dengan gaya pengajaran dan efikasi guru seperti berikut:

- i) Apakah aras hubungan antara jenis gaya pengajaran dengan efikasi guru dalam kalangan guru sekolah rendah di Pedalaman Sabah?
- ii) Apakah aras hubungan antara efikasi guru dalam dimensi penglibatan murid dengan gaya pengajaran dalam kalangan guru sekolah rendah di Pedalaman Sabah?

- iii) Apakah aras hubungan antara efikasi guru dalam dimensi strategi pengajaran dengan gaya pengajaran dalam kalangan guru sekolah rendah di Pedalaman Sabah?
- iv) Apakah aras hubungan antara efikasi guru dalam dimensi pengurusan kelas dengan gaya pengajaran dalam kalangan guru sekolah rendah di Pedalaman Sabah?

1.7 Kepentingan Kajian

Justeru itu, adalah diharapkan juga hasil dapatan kajian ini akan dapat memberi maklumat berkaitan gaya pengajaran dan efikasi guru dalam kalangan guru di sekolah rendah. Selain itu, diharapkan ia dapat memberi maklumat mengenai gaya pengajaran yang dominan serta tahap efikasi guru dalam kalangan guru sekolah rendah di Pedalaman Sabah. Perkaitan antara gaya pengajaran dengan efikasi guru juga dapat membantu meningkatkan prestasi guru dalam penyampaian di bilik darjah. Secara tidak langsung dapatan kajian dapat memberi informasi bagi meningkatkan kualiti pendidikan di sekolah rendah secara amnya.

1.7.1 Kepentingan Kajian Kepada Sekolah

Kajian ini juga boleh dijadikan garis panduan dalam menentukan gaya pengajaran yang sesuai di sekolah rendah supaya pengajaran guru menjadi lebih efektif, menyeronokkan dan mampu meningkatkan prestasi dan pencapaian murid-murid di sekolah. Potensi, bakat dan tahap keupayaan murid-murid sekolah rendah boleh ditingkatkan ke tahap optimum dengan bantuan dan peranan guru sebagai pemudahcara dan pembimbing di peringkat sekolah. Hal ini penting sebagai langkah persediaan murid-murid ke arah membentuk diri dalam menghadapi cabaran dalam arus globalisasi masa kini. Kajian ini boleh membantu pihak sekolah mengenal pasti jenis gaya pengajaran dan tahap efikasi guru di peringkat sekolah yang dominan. Langkah-langkah proaktif seterusnya boleh diambil bagi meningkatkan mutu profesionalisme dalam kalangan guru di sekolah rendah. Guru besar memainkan peranan penting bagi meningkatkan mutu dan kualiti dalam diri warga pendidik di sekolah. Dapatan kajian ini boleh digunakan oleh pihak sekolah sebagai rujukan dan sokongan dalam usaha tersebut di peringkat dalaman.

1.7.2 Kepentingan Kajian Kepada Guru-guru

Dalam hal berkaitan, adalah diharapkan agar hasil dapatan ini membolehkan guru-guru mengenal pasti gaya pengajaran yang sesuai dan boleh digunakan untuk meningkatkan tahap kefahaman murid. Semoga ia dapat membantu guru-guru memperbaiki kelemahan dari segi gaya pengajaran bagi meningkatkan pencapaian prestasi murid dalam bidang akademik. Seterusnya, guru-guru dapat memperbaiki mutu pengajaran di sekolah sekaligus meningkatkan tahap dan kualiti pendidikan dalam negara. Hal ini penting kerana golongan guru merupakan tunjang utama dalam penyampaian kurikulum pendidikan negara. Amalan gaya pengajaran oleh guru di bilik darjah sebaiknya boleh membantu pelajar dalam memahami isi kandungan pelajaran. Justeru itu, guru-guru perlu bijak mengamalkan gaya pengajaran yang sesuai dengan pelajar tetapi dalam masa yang sama dapat memaksimumkan penyampaian ilmu pengetahuan kepada kumpulan pelajar. Ini membantu guru-guru menyediakan pengajaran yang menarik dan menyeronokkan sekaligus menarik minat pelajar-pelajar untuk mengikuti pengajaran guru.

Dapatan kajian juga dapat memberi maklumat berkaitan dengan efikasi guru dan ini boleh membantu golongan pendidik mengenalpasti tahap efikasi guru bagi diri sendiri. Golongan pendidik juga wajar menilai dan membuat refleksi kendiri terhadap tanggungjawab dan pencapaian diri sendiri sebagai seorang guru. Samada aspek kekurangan mahupun kelebihan yang ada dalam diri setiap guru perlu dikaji bagi memperbaiki kelemahan dan meningkatkan prestasi. Setiap warga pendidik sewajarnya perlu mengetahui keupayaan sendiri dalam melaksanakan tugas sebagai seorang guru. Guru yang memiliki tahap keupayaan tinggi mampu melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan berkesan kerana mempunyai keyakinan diri melakukan tugas di sekolah dengan baik. Lantaran itu, diharapkan kajian ini boleh membantu pihak-pihak tertentu dalam bidang pendidikan melonjakkan mutu pendidikan ke tahap yang lebih baik pada masa hadapan.

1.7.3 Kepentingan Kajian Kepada Pelajar-pelajar

Golongan pelajar merupakan kumpulan sasaran yang ingin diberi perhatian sebaik mungkin oleh pihak sekolah. Ia menjadi tanggungjawab dan amanah besar bagi guru-guru dalam usaha mendidik mereka menjadi insan kamil selaras dengan Falsafah Pendidikan Negara. Dapatan kajian ini dijadikan sebagai rujukan dan garis panduan kepada pihak guru bagi memperbaiki kelemahan dan kekhilafan yang ada semasa melaksanakan tugas di sekolah. Kesannya guru-guru akan melakukan tugas dengan lebih baik pada masa akan datang dan berusaha memberikan yang terbaik kepada pelajar-pelajar. Kelak, pelajar-pelajar akan mendapati perubahan yang positif dan proaktif guru-guru dalam pengajaran di sekolah. Ini membantu menambah kualiti dalam proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Seterusnya, minat belajar dalam kalangan pelajar-pelajar bertambah baik dari segi tingkah laku dan emosi mereka. Pelajar-pelajar akan beroleh manfaat yang besar kesan perubahan positif yang diambil oleh guru-guru dalam memperbaiki kelemahan yang wujud semasa pengajaran di bilik darjah.

1.8 Definisi Operasi

Beberapa konsep penting dalam kajian ini dijelaskan dalam definisi konsep. Definisi konsep tersebut merangkumi gaya pengajaran dan efikasi guru.

1.8.1 Gaya Pengajaran

Dalam kajian ini penyelidik menggunakan istilah gaya bagi menentukan jenis pengajaran yang digunakan oleh guru-guru di sekolah kajian. Gaya yang dimaksudkan ialah cara atau kaedah yang dipilih bagi melaksanakan sesuatu. Gaya merupakan suatu cara atau stail untuk melakukan sesuatu perkara seperti mengarang, menulis, bercakap dan lain-lain (Kamus Dewan, 2005). Dalam bidang pengajaran guru, jenis gaya yang digunakan atau dipilih oleh guru di dalam kelas ingin dikenalpasti dalam kajian ini. Pengajaran disifatkan sebagai aplikasi teori-teori dalam keadaan yang selesa, prihatin dan suasana kolaborasi yang dikawal oleh guru (Eveyik-Aydin Evrim *et.al*, 2009). Dalam kajian oleh Khandaghi dan Rajaei

BIBLIOGRAFI

- Adanan Muslim. 2012. *Hubungan Antara Gaya Kepimpinan Pengetua dengan Stres dalam Kalangan Guru di Daerah Tenom*. Tesis Sarjana Pengurusan Pendidikan. Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Ahmad Zamri Khairani & Nordin Abd. Razak. 2012. An Analysis of the Teachers' Sense of Efficacy Scale within the Malaysian Context using the Rasch Measurement Model. *Procedia –Social and Behavioral Sciences*. **69**:2137-2142.
- Akdemir, O. & Koszalka, T. A. 2008. Investigating the relationships among strategies and learning styles in online environments. *Computer and Education*. **50**:1451-1461.
- Akyeampong, K., Pryor, J. & Ampiah, J. G., 2006. A vision of successful schooling: Ghanaian teachers' understandings of learning, teaching and assessment. *Comparative Education*. **42**(2):155–176.
- Anderson, R., Greene, M. & Loewen, P. 1988. Relationships among teachers' and students' thinking skills, sense of efficacy and student achievement. *Alberta Journal of Education Research*. **34**(2):148-165.
- Armor, D., Conroy-Oseguera, P., Cox, M., King, N., McDonnell, L., Pascal, A., Pauly, E. & Zellman, G. 1976. *Analysis of the school preferred reading programs in selected Los Angeles minority schools*. Report No. R-2007-LAUSD. Santa Monica, CA: Rand Corporation (ERIC Document Reproduction Service No. 130-243).
- Ashton, P. 1985. Motivation and teacher's sense of efficacy. In C. Ames & R. Ames (Eds.). *Research on Motivation in Education*. Vol.2. The classroom milieu, pp. 141-174. Orlando, FL: Academic Press.
- Ashton, P. & Webb, R. B. 1986. *Making a difference: Teachers' sense of efficacy and student achievement*. New York: Longman.
- Azizi Yahya, Shahrin Hashim, Jamaludin Ramli, Yusuf Boon & Abdul Rahman Hamdan. 2006. *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan : Teori, analisis, interpretasi data*. PTS. Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Baker, T. L. 1994. *Doing Social Research*. (2nd edition). New York: McGraw-Hill Inc.
- Bandura, A. 1977. *Social Learning Theory*. New York: McGraw-Hill.
- Bandura, A. 1986. *Social Foundations of Thought and Action: A Social Cognitive Theory*. New Jersey: Prentice Hall, Inc.

- Bandura, A. 1994. Self-efficacy. In V. S. Ramachandran (Ed.), *Encyclopedia of human behaviour*. Vol. 4, pp. 71-81. New York: Academic Press.
- Bandura, A. 1997. *Self-Efficacy: The Exercise of Control*. New York: W. H. Freeman.
- Becker, K., Kehoe, J. & Tennent, B. 2007. Impact of personalised learning styles on online delivery and assessment. *Campus Wide Information Systems*. **24**(2):105-119.
- Bidabadi, F. S. & Yamat, H. 2010. Learning style preferences by Iranian EFL freshman University Students. *Procedia Social and Behavioral Sciences*. **7**(C):219-226.
- Braskamp, L. A. & Ory, J. C. 1994. Assessing faculty work: Enhancing individual and instructional performance. San Francisco, CA: Jossey-Bass Centra, J. A. 1993. *Reflective Faculty Evaluation*. San Francisco, CA: Jossey-Bass.
- Braskamp, L. A. 2000. Toward a more holistic approach to assessing faculty as teachers. In K. E. Ryan (Ed.), Evaluating teaching in higher education: A vision for the future. *New Directions For Teaching and Learning*. **83**:109-123.
- Chua, Y. P. 2006a. *Asas Statistik Penyelidikan Buku 2*. Kuala Lumpur: McGraw Hill Education.
- Chua, Y. P. 2006b. *Research Methods*. Shah Alam: McGraw-Hill Education.
- Chua, Y. P. 2011. *Kaedah Statistik Penyelidikan*. Kuala Lumpur: McGraw Hill.
- Colardaci, T. & Breton, W. A. 1997. Teacher Efficacy, Supervision And The Special Education Resource-Room Teacher. *The Journal of Educational Research*. **90**(4):230-239.
- Cooper, T. C. 2001. Foreign language teaching style and personality. *Foreign Language Annals*. **34**:301-316.
- Davies, J. A. 1971. *Elementary Survey Analysis*. New Jersey: Prentice Hall.
- Egel, I. P. 2009. The prospective English language teacher's reflections of self efficacy. *Procedia Social and Behavioral Sciences*. **1**:1561-1567.
- Gall, M. D., Borg W. R. & Gall, J. P. 1996. *Educational Research: An Introduction* (6th edition). New York: Longman.
- Gorrell, J. & Capron, E. W. 1990. Cognitive modelling and self-efficacy: Effects on pre-service teachers' learning of teaching strategies. *Journal of Teacher Education*. **41**(50):15-22.
- Grasha, A. F. 1994. A Matters of style: The teachers as an expert, formal authority, personal model, facilitator and delegator. *College Teaching*. **48**(1):21-31.
- Grasha, A. F. 1996. *Teaching with style: A practical guide to enhancing learning by understanding teaching and learning style*. United State of America: Alliance Publisher.

- Grasha, A. F. 2002. The dynamics of one-on-one teaching. *College Teaching*. 50(4):139-146.
- Gregorc, C. 1986. *An adult's guide to style*. Maryland: Gabriel Systems. Inc.
- Hair, J. F., Black, W. C., Babin, B. J., Anderson, R. E. & Tathan, R. L. 2006. *Multivariate Data Analysis*. New Jersey Canada: Pearson Prentice Hall.
- Hernawati Henarin. 2011. *Pelaksanaan Pengajaran Sejarah Di Sekolah Menengah. Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Hoy, W. K. & Woolfolk, A. E. 1993. Teacher's sense of efficacy and the organizational health of schools. *Elementary School Journal*. 93(4):355-372.
- Hoy, A. W. 2000. *Changes In Teacher Efficacy During The Early Years of Teaching*. Paper Presented At The Annual Meeting of The American Educational Research Association, New Orleans, LA. Session 43:22, Qualitative and Quantitative Approaches to Examining Efficacy in Teaching and Learning.
- Hoy, A. W. & Spero, R. B. 2005. Changes in teacher efficacy during the early years of teaching: A comparison of four measures. *Teacher and Teacher Education*. 21:343-356.
- Jidarulaila Salleh. 2003. *Hubungan Gaya Pengajaran Guru dengan Pencapaian Akademik Pelajar bagi mata pelajaran Perdagangan di Sekolah Menengah Teknik Datuk Seri Mohd Zin Alor Gajah Melaka*. Fakulti Teknologi Kejuruteraan. Alor Gajah: Kolej Universiti Teknologi Tun Hussien Onn.
- Julismah Jani, Ong Kuan Boon, Mohd Sani Madon, Hishamuddin Ahmad & Nur Haziyanti Mohamad Khalid. 2009. Pendekatan Pengajaran, Gaya Belajar dan Jenis Penilaian dalam Mata Pelajaran Sains Sukan di Sekolah Menengah. *Jurnal Pendidikan Malaysia*. 34(2):81-91.
- Kamus Dewan. 2005. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. 2006. *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2006-2010*. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Khalid Johari. 2009. Pola Efikasi Guru-guru Novis Sekolah Menengah. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*. 6:141-151.
- Khalid Johari, Zurida Ismail, Shuki Osman & Ahmad Tajuddin Othman. 2009. Pengaruh Jenis Latihan Guru dan Pengalaman Mengajar Terhadap Efikasi Guru Sekolah Menengah. *Jurnal Pendidikan Malaysia*. 34(2):3-14.
- Khandaghi, M. A. & Farasat, M. 2011. The effect os teacher's teaching style on students' adjusment. *Procedia Social and Behavioral Sciences*. 11:155-159.
- Khandaghi, M. A. & Rajaei, M. 2011. The comparison of students and educators preferred teaching styles in teacher educating centres. *Procedia Social and Behavioral Sciences*. 15:1875-1880.

- Kolb, A. Y. & Kolb, D. A. 2005. Learning styles and learning spaces: Enhancing experiential learning in higher education. *Academy of Management Learning & Education*. 4(2):193-212.
- Krejcie, R. V. & Morgan, D. W. 1970. Determining Sample Size For Research Activities. *Educational and Psychological Measurement*. 30:607-610.
- Kyriacou, C: 1991. *Essential Teaching Skills*. Oxford: Blackwell.
- Kyriacou, C. 2009. *Effective Teaching in Schools*. United Kingdom: Stanley Thomas (Publishers) Ltd.
- Lokman Mohd Tahir & Aini Kaman. 2011. Kepimpinan Situasi Dalam Kalangan Guru Besar Daerah Johor Bahru, Johor. *Journal of Educational Management*. 1:121-144.
- Mohamad Najib Abdul Ghafar. 1999. *Penyelidikan Pendidikan*. Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohammed Sani Ibrahim. 2013. Peranan Guru Kanan Mata Pelajaran Dalam Mempertingkatkan Kualiti Pengajaran Guru-guru. *Jurnal Kurikulum dan Pengajaran Asia Pasifik*. 1(1).
- Mohd. Khairuddin Abdullah @ Jerry. 2010. *Hubungan Antara Kepimpinan Pengajaran, Efikasi Pengajaran dan Sikap Guru Kelas Intervensi Awal Membaca dan Menulis (KIA2M) Sekolah Rendah di Sabah*. Tesis Doktor Falsafah. Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Mohd. Majid Konting. 1994. *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Mohd. Majid Konting. 2000. *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Mulholland, J. & Wallace, J. 2001. Teacher induction and elementary science teaching: enhancing self-efficacy. *Teaching and Teacher Education*. 17:243-261.
- Naina Mohd. Mohd. Noor. 1999. Stail Pengajaran Guru dan Gaya Pembelajaran Murid. *Jurnal Pendidikan TigaENF*. 2(3).
- Noraini Idris. 2010. *Penyelidikan dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: McGraw Hill.
- Norasmah Othman & Mohd. Hasril Amiruddin. 2010. Different Perspectives of Learning Styles from VARK Model. *Procedia Social and Behavioral Sciences*. 7(C):652-660.
- Noriah Mohd. Ishak, Nor Sakinah Mohamad, Muhammad Hussin, Amla Mohd. Salleh & Nor Kefli Md. Sulong. 1999. Gaya pertautan, gaya pengajaran dan komitmen terhadap profession perguruan dalam kalangan guru pelatih UKM. *Laporan Akhir Projek G/ 4/ 99*. Fakulti Pendidikan. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Ngware, M. W., Oketch, M. & Mutisya, M. 2014. Does teaching style explain differences in learner achievement in low and high performing schools in Kenya? *International Journal of Education Development*. **36**:3-12.
- Omardin Ashaari. 1999. *Pengajaran kreatif untuk pembelajaran aktif*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ormrod, J. E. 2003. *Education psychology: Developing learners* (4th edition). Upper Saddle River. NJ: Merrill/ Prentice-Hall.
- Rafisah Bt Osman. 2009. *Hubungan Kualiti Penyeliaan Pengajaran dan Pembelajaran Dengan Komitmen dan Efikasi Guru*. Tesis Doktor Falsafah. Sintok: Universiti Utara Malaysia.
- Rahimah Jamalaluddin, Rosini Abu, Abdullah Mat Rashid & Habsah Ismail. 2012. *Tahap Efikasi Guru Dalam Melaksanakan Pengajaran Kekeluargaan*. Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan IPTA 2012.
- Rahmah Murshidi, Mohd. Majid Konting, Habibah Elias & Foo Say Fooi. 2006. Sense of efficacy among beginning teachers in Sarawak. *Teaching Education*. **17**(3):265-275.
- Rahimi, M. & Asadollahi, F. 2012. On the relationship between Iranian EFL teachers' classroom management orientation and teaching style. *Procedia Social and Behavioral Sciences*. **31**:49-55.
- Roslind Anak Mawing. 2003. *Hubungan antara gaya pengajaran guru dengan sikap pelajar terhadap Bahasa Melayu*. Kertas Projek Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ross, J. A. 1994. *Beliefs That Make A Difference: The Origins and Impacts of Teacher Efficacy*. Paper Presented At The Annual Meeting of The Canadian Association for Curriculum Studies. Calgary, Alberta.
- Ruslin Amir. 2008. *Stail berfikir, stail pengajaran pensyarah dan stail pembelajaran pelajar*. Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Pendidikan. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ruslin Amir & Zalizan Mohd. Jelas. 2010. Teaching and Learning Styles in Higher Education Institutions: Do They Match? *Procedia Social and Behavioral Sciences*. **7**(C):680-684.
- Senemoglu, N. & Demirel, M. 2009. Elementary School Teacher's Efficacy Belief: A Turkish Case. *Humanity and Social Journal*. **4**(2):167-171.
- Shaughnessy, M. F. 2004. An interview with Anita Woolfolk: The Educational Psychology of Teacher Efficacy. *Educational Psychology Review*. **16**(2):153-176.
- Smylie, M. A. 1988. The Enhancement Function od Staff Development: Organization and Psychological Antecedent to Individual Teacher Change. *American Educational Research Journal*. **25**(1):1-30.

- Sternberg, R. J. & Horvath, J. A. 1995. A prototype view of expert teaching. *Educational Researcher*. **24**(6):9-17.
- Sullivan, R. L. & McIntosh, N. 1996. Delivering Effective Lectures.(atas talian) http://cte.umdnj.edu/traditional_teaching/traditional_lecture.cfm 24 July 2008.
- Tajularipin Sulaiman, Abdul Raub Abdulrahman & Suzieleez Syrene Abdul Rahim. 2010. Teaching Strategies Based on Multiple Intelligences Theory among Science and Mathematics Secondary School Teachers. *Procedia Social and Behavioral Sciences*. **8**:512-518.
- Teffeny Tommy Suili. 2012. *Pengaruh Gaya Pengajaran Terhadap Efikasi Guru Dalam Kalangan Guru Sekolah Menengah Di Daerah Tawau*. Tesis Sarjana Pendidikan. Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Tschannen-Moran, M. & Hoy, A. W. 2001. Teacher Efficacy: Capturing An Elusive Construct. *Teaching and Teacher Education*. **17**:783-805.
- Tschannen-Moran, M. & Hoy, A. W. 2007. The differential antecedents of self-efficacy beliefs of novice and experienced teachers. *Teaching and Teachers Education*. **23**:944-956.
- Tulbure, C. 2011. Do different learning style require differentiated teaching strategies? *Procedia Social and Behavioral Sciences*. **11**:155-159.
- Vaughn, L. & Baker, R. 2001. Teaching in the medical setting: Balancing teaching styles, learning styles and teaching methods. *Medical Teachers*. **23**(6):610-612.
- Vitto, J. M. 2003. *Relationship-driven classroom management: Strategies that promote student motivation*. Thousand Oaks, CA: Corwin Press.
- Wan Mohd. Zahid. 1996. Dasar Pendidikan Kebangsaan: Ke arah pemantapan dan pelaksanaan dasar pendidikan negara selaras dengan tuntutan Wawasan 2020. *Prosiding Pendidikan Negara Abad ke-21*. Hlm. 10-23. Bangi: Penerbitan Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Welch, A. 1995. The self-efficacy of primary teachers in art education. *Educational Research*. **5**:71-84.
- Wiersma, W. 2000. *Research methods in education: An introduction*. London: Allyn & Bacon.
- Yavuzer, Y. & Koc, M. 2002. Egitim Fakultesi Ogrencilerinin Ogretmen Yetkinlikleri Uzerinde Bir Degerlendirme. *Nigde Universitesi Egitim Fakultesi Dergisi*. **1**(1):35-43.
- Yusoff, N. 2007. *Kajian terhadap gaya pengajaran pensyarah politeknik menggunakan pendekatan inventori pengajaran (ATT)*. Batu Pahat: Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. (Tidak diterbitkan)

Zaidatol Akmaliah Lope Pihie, Teng Lung Kiu, Foo Say Foii, Zakaria Kasa & Jegak Uli. 2008. Hubungan Kepimpinan Transformational Pengetua dengan Efikasi Kendiri Guru. *Malaysia Education Dean's Council Journal. Vol. 2.*

Zalizan Mohd Jelas, Saemah Rahman, Roselan Baki & Jamil Ahmad. 2005. Prestasi Akademik Mengikut Gender. *Jurnal Pendidikan. 30*:93-111.

Zamri Mahamod, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff & Juliawati Ibrahim. 2009. Perbandingan Gaya Pengajaran guru Bahasa Melayu dan Guru Bahasa Inggeris. *Jurnal Pendidikan Malaysia. 34*(1):67-92.

Zulaine Awang Taul. 2013. *Hubungan Antara Kepimpinan Pengajaran Guru Dengan Efikasi Guru Dalam Kalangan Guru Sekolah Menengah Di Daerah Sandakan, Sabah.* Tesis Sarjana Pendidikan. Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.